

bah

INDUSTRI BERTEKNOLOGI PERLU DIAGIHKAN KEPADA SEMUA NEGERI
Mahathir - Industri

BANGT, 18 Nov (Bernama) -- Industri berteknologi tinggi dan mempunyai nilai tambahan yang baik perlu di agihkan kepada semua negeri dan tidak hanya di tumpukan kepada beberapa buah negeri sahaja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kini terdapat banyak industri berteknologi tinggi di beberapa buah negeri dan sudah tiba masanya industri seumpama itu didirikan di negeri-negeri lain.

Dasar kerajaan ialah supaya industri seperti itu wujudkan bukan sahaja di satu-satu negeri tetapi di semua negeri, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang Hitachi Electronic Products (M) Sdn Bhd dan kilang Hitachi Air Conditioning Products (M) Sdn Bhd, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menyediakan kemudahan infrastruktur di negeri-negeri seperti Melaka, Kedah, Pahang dan Terengganu untuk menarik pelabur ke negeri-negeri itu supaya lebih ramai rakyat mendapat pekerjaan.

Katanya, bilangan pekerja di beberapa negeri di pantai barat juga semakin tidak mencukupi hingga memaksa industri-industri didirikan di negeri-negeri lain. -- Lagi

▼18/11/15-19MST

UGB 1 R-11 00184 BA998

bah

Mahathir - Industri 2 Bangi

Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai rancangan memperluaskan industri ke negeri-negeri pantai timur dan, dalam hal ini, Lembaga Kema jua n Perindustrian Malaysia (MTDA) memang berusaha menggalakkan pelaburan ke sana.

+Akan tetapi, pelabur masih berminat di sini...bagaimanapun oleh kerana sekarang ini tempat sudah tidak mencukupi dan pekerja berkurangan, maka dianggap masa sudah tiba untuk mereka pergi ke kawasan-kawasan yang kurang (mempunyai) industri, + katanya.

Semasa berucap pada majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan kini lebih berminat dengan industri yang bermodal tinggi, mempunyai nilai tambahan yang lebih, sesuai dengan peredaran zaman.

Katanya, oleh kerana pengangguran bukan lagi menjadi masalah, kerajaan tidak lagi memerlukan projek-projek yang memerlukan banyak tenaga kerja yang mengeluarkan barang-barang yang rendah nilai tambahannya serta yang melibatkan tahap teknologi yang rendah.

Beliau berkata Malaysia mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang elektrik dan elektronik, dan ia dapat dibuktikan dsngan pengalaman syarikat Hitachi, Matsushita, Motorola dan Intel bahawa sumber tenaga kerja Malaysia boleh menandingi pekerja kilang-kilang itu di Jepun dan Amerika Syarikat daripada segi kualiti dan produktiviti. -- Lagi

▼18/11/16-02MST

bah

Mabathir - Industri 3 Bangi

Perdana Menteri juga berkata kerajaan telah menyediakan kawasan Perusahaan Teknologi Tinggi di Kulim, Kedah bagi menempatkan projek-projek yang melibatkan teknologi canggih untuk melahirkan satu era baru bagi sektor perindustrian negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebanyak 13 projek perkilangan syarikat Hitachi telah diluluskan oleh kerajaan dan kesemuanya tertumpu pada bidang elektrik dan elektronik. Projek-projek ini dapat menyediakan 6,000 pekerjaan.

Pengerusi Hitachi, Encik Katsushige Mita berkata syarikat itu bangga kerana dapat menyumbang ke arah pemangunan Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020.

Hitachi Electronic Products (M) Sdn Bhd yang didirikan dengan pelaburan sebanyak \$80 juta menghasilkan antara lain televisyen warna dan perakam video manakala Hitachi Air Conditioning Products (M) Sdn Bhd dengan nilai pelaburan sebanyak \$168 juta mengeluarkan antara lain pendingin hawa jenis tingkap dan jenis belah.

Padamajlis itu Encik Mita menyampaikan cek daripada syarikat Hitachi bernilai \$50,000 kepada Datuk Seri Dr Mahathir untuk Radan. Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI). -- Bernama